

BULETIN EPIDEMIOLOGI BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



FOKUS UTAMA

- Pelancaran Penguatkuasaan Penuh Akta 852
- MYNAPHS : Peluncuran Pelan Tindakan Sekuriti Kesihatan Kebangsaan
- *Pink Ribbon Run 2025*: Larian Kesedaran Kanser Payudara
- KKM Perkukuh Kesihatan Pekerja Melalui OSH Day
- Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia

KESIAPSIAGAAN SURVELAN & RESPON

- Survelan Notifikasi Penyakit Berjangkit
- *Event-Based Surveillance*
- *Rumor Surveillance*
- *Malaysia Influenza Surveillance*

PENYAKIT BERJANGKIT

- Penyakit Tangan, Kaki & Mulut (HFMD)
- Hepatitis A
- Disenteri
- Keracunan makanan
- Malaria
- Mpox
- Hepatitis B
- Tuberkulosis (TB)
- Kusta

PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

- Kes Keracunan Metanol
- Kes Penyakit Berkaitan Produk Merokok

ISI KANDUNGAN

FOKUS UTAMA

Pelancaran Penguatkuasaan Penuh Akta 852	01	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Bencana (JTPB) Banjir Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 Peringkat Kebangsaan	06
Bulan Kesedaran Kanser Payudara Oktober 2025	02	Bengkel <i>Pandemic Influenza Severity Assessment (PISA)</i> Peringkat Kebangsaan	07
KKM perkukuh kesihatan pekerjaan melalui OSH DAY	02	Asean Emergency Operation Center (EOC) Network Project: Emergency Operations Centre Application Course	07
Latihan Simulasi Rabies	03	Mesyuarat Jawatankuasa antara Kementerian bagi Kawalan Penyakit Zoonotik 2025	08
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Kerjasama KKM bersama MYSA	03	Majlis Perasmian Insektarium Wolbachia Wilayah Persekutuan Putrajaya	08
OSH Fun Run Sempena Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat IPKKM 2025	04	Pemantauan Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan ke CPRC Negeri dan Bilik Gerakan Daerah (PKD)	09
Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia	05	Lawatan Delegasi Antarabangsa ke CPRC Kebangsaan	09
Pink Ribbon Run 2025: Larian Kesedaran Kanser Payudara	05		
MYNAPHS – Peluncuran Pelan Tindakan Sekuriti Kesihatan Kebangsaan	06		

KESIAPSIAGAAN SURVELAN & RESPON

Survelan Notifikasi Penyakit Berjangkit	10	<i>Rumor Surveillance</i>	12
<i>Event-Based Surveillance</i>	11	<i>Malaysia Influenza Surveillance</i>	13

PENYAKIT BERJANGKIT

Penyakit Tangan, Kaki & Mulut (HFMD)	14
Hepatitis A	15
Disenteri	16
Keracunan Makanan	17
Malaria	18
Mpox	19
Hepatitis B	20
Tuberkulosis (TB)	21
Kusta	21

PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Kes Keracunan Metanol	22
Kes Penyakit Berkaitan Produk Rokok	22

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Dr. Ismuni bin Bohari

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Penasihat:

Dr. Noraryana binti Hassan

Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit

Penyelaras:

Dr. Nor Zahrin binti Hasran

Timbalan Pengarah (Survelan Penyakit)

Pengarang:

- Sektor Respons Kecemasan Kesihatan Awam
- Sektor Kesiapsiagaan Kecemasan Kesihatan Awam
- Sektor Kesihatan Persekitaran dan Perubahan Iklim
- Sektor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Sektor Kawalan Produk Merokok, Alkohol dan Penyalahgunaan Substans
- Sektor Survelan Penyakit
- Sektor Informasi dan Dokumentasi
- Sektor Kawalan Zoonosis
- Sektor Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
- Sektor Kawalan Penyakit Bawaan Makanan dan Air
- Sektor Kawalan Penyakit Cegahan Vaksin
- Sektor Kawalan TB dan Kusta
- Sektor Entomologi dan Pest
- Sektor Kawalan Pencegahan Kanser

Ketua Penyunting:

Dr. Zuhaida binti A.Jalil

Ketua Sektor Informasi & Dokumentasi

Penyunting:

Pn. Intan Suhana binti Mohd Ali

Pn. Siti Nur Atiqah binti Mohd Radzuan

Pn. Norziela binti Rosli

PELANCARAN PENGUATKUASAAN PENUH AKTA 852 MENGUKUHKAN USAHA NEGARA MELINDUNGI KESIHATAN AWAM

Putrajaya, 1 Oktober 2025 – Kementerian telah melakar satu lagi pencapaian penting dalam agenda kesihatan awam negara apabila penguatkuasaan penuh Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852]. Pelaksanaan ini menandakan tamatnya tempoh pelaksanaan berfasa sepanjang setahun sejak akta tersebut mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024.

Sebagai simbolik pelaksanaan penguatkuasaan penuh, satu Majlis Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Penuh Akta 852 telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad di Putrajaya. Dalam majlis tersebut, YB Menteri Kesihatan telah menyampaikan watak penguatkuasaan penuh kepada semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, menandakan kesiapsiagaan seluruh jentera kesihatan negeri dalam memastikan pematuhan dan perlindungan terhadap kesihatan rakyat mengikut kehendak undang-undang. Setelah itu, satu operasi penguatkuasaan besar-besaran turut dilaksanakan di sekitar Putrajaya, disertai oleh YB Menteri, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit.

Sejak Akta 852 berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024 sehingga 31 Oktober 2025, 23,425 operasi penguatkuasaan telah dijalankan melibatkan 459,471 premis diperiksa di seluruh negara. Hasil pemeriksaan tersebut, 147,326 notis kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta 852, manakala 1,896 kertas siasatan dibuka bagi kesalahan yang tidak boleh dikompaun. Statistik ini mencerminkan komitmen tinggi jentera penguatkuasaan KKM dalam memastikan pelaksanaan undang-undang berjalan secara menyeluruh dan konsisten.

Pelaksanaan operasi di seluruh negara turut diperkukuh melalui pendekatan whole-of-nation, yang melibatkan kerjasama rapat dengan pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sokongan antara agensi ini memainkan peranan penting bagi memastikan matlamat akta untuk melindungi rakyat daripada bahaya produk merokok dapat dicapai dengan berkesan. Dengan pelaksanaan sepenuhnya Akta 852, KKM kekal teguh dalam komitmen untuk memastikan persekitaran yang lebih sihat, selamat dan bebas daripada bahaya asap rokok untuk seluruh rakyat Malaysia.

“Paru-Paru Selamat, Generasi Sihat.”



BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA OKTOBER 2025

Putrajaya, 1 Oktober 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Bulan Kesedaran Kanser Payudara 2025 dengan tema Bersatu Demi Wanita: Sebarkan Kesedaran, Selamatkan Nyawa pada 1 Oktober 2025. Tema ini selari dengan tema Hari Kanser Sedunia 2025 -2027 iaitu Penyatuan dalam Keunikan yang menekankan kepentingan penyatuan dan kerjasama semua pihak dalam memerangi kanser.

Pelancaran ini merupakan usahasama rakan strategik termasuk Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) serta rakan media yang berganding bahu dalam usaha meningkatkan kesedaran, saringan dan kawalan kanser di negara ini. Bersempena bulan kesedaran ini, lebih 20,000 wanita berumur 30 tahun dan ke atas telah menjalani saringan bermula Oktober hingga Disember 2025 melalui program saringan yang telah disusun.

Melalui pelaksanaan ini, capaian saringan kanser payudara diperluas, pengesanan awal dipertingkatkan dan rawatan awal dapat dimulakan serta menyokong sasaran Global Breast Cancer Initiative iaitu meningkatkan kesedaran, pengesanan awal, diagnosis tepat pada masanya dan rawatan komprehensif untuk pesakit.



KKM PERKUKUH KESIHATAN PEKERJAAN MELALUI OSH DAY

Selangor, 2 Oktober 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan Majlis Penutup Sambutan dan Seminar Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Day) 2025 di Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam. Program selama dua hari ini berjaya menghimpunkan hampir 500 peserta terdiri daripada petugas kesihatan, pembuat dasar, ahli akademik serta rakan strategik dari pelbagai agensi.

Dengan tema "Merevolusikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Peranan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pendigitalan di Tempat Kerja", sambutan tahun ini memberi tumpuan kepada potensi teknologi dalam memperkukuh perlindungan keselamatan, pencegahan penyakit pekerjaan serta mengurangkan risiko di tempat kerja. Seminar dua hari ini menampilkan siri plenari dan latihan kemahiran yang memberi tumpuan kepada:

- Pencegahan kecederaan tusukan jarum (NSI)
- Aspek perundangan OSH
- Analisis data menggunakan AI
- Keselamatan pekerjaan di makmal
- Latihan kemahiran promosi OSH

Program turut diserikan dengan pameran oleh 18 agensi kerajaan, NGO dan industri, serta penyampaian anugerah kepada pemenang JKK Blok IPKKM Terbaik 2024 dan NIH I-Fitter 3.0 & Wellness Month Awards.



LATIHAN SIMULASI RABIES

Alor Setar, 6 hingga 8 Oktober 2025 – Satu latihan simulasi telah diadakan di Alor Setar, Kedah bagi menangani ancaman rabies di negeri berisiko yang bersempadanan dengan Thailand. Latihan selama dua (2) hari ini menguji tahap kesiapsiagaan negara melalui pendekatan One Health dan melibatkan seramai 70 orang peserta dari pelbagai agensi termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Latihan ini adalah sebahagian daripada perancangan strategik eliminasi rabies yang bertujuan memperkukuhkan keupayaan kakitangan dalam menguruskan kes gigitan haiwan berisiko rabies dilaksanakan dengan lebih berkesan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK KERJASAMA KKM BERSAMA MYSA

Putrajaya, 14 Oktober 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek Kerjasama KKM bersama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), MOSTI telah dianjurkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit dan Bahagian Kejuruteraan KKM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Tujuan kerjasama ini adalah untuk KKM dan MYSA berkongsi kepakaran dalam melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi berteraskan teknologi penderiaan jauh (remote sensing) dan teknologi berkaitan bagi meningkatkan ketepatan data, analisis dan permodelan berkaitan kesihatan awam dan kesihatan alam sekitar serta memastikan keberkesanan dalam pengurusan sektor kesihatan negara.

Mesyuarat ini diadakan bagi menilai perkembangan dan membincangkan status semasa projek-projek yang dilaksanakan di bawah kerjasama ini. Ianya disusuli dengan majlis menandatangani Dokumen Projek Kerjasama antara KKM dan MYSA bagi penyambungan tempoh kerjasama dari tahun 2025 hingga 2030. Seramai 57 orang ahli telah menghadiri mesyuarat ini yang terdiri daripada kepimpinan tertinggi dan pegawai kanan KKM dan MYSA.

Terdapat 6 projek kerjasama telah dibentangkan iaitu:

1. Sistem Pengurusan Wabak Denggi (SPWD)
2. Sistem iDengue
3. Malaria Geo-reference, Information and Coordination System for Malaria Elimination (MAGICS.ME)
4. Sistem MyEntoPest
5. Sistem Environmental Health Risk Inventory (EHRI)
6. Drinking Water Quality Index (DWQI)



(OSH) FUN RUN SEMPENA BULAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH) PERINGKAT IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (IPKKM) 2025

Putrajaya, 17 Oktober 2025 – Sempena sambutan Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) Tahun 2025, satu program “OSH Fun Run” telah berjaya dianjurkan. Program ini telah berlangsung dengan penuh semangat di Perkarangan Lobi Blok E7, Kompleks Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya bermula pada pukul 4:30 petang.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia, bersama kehadiran Yang Berbahagia Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KKM, YBrs. Dr. Ismuni Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), YBrs. Dr. Noraryana binti Hassan, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, serta Dr. Nik Khairol Reza bin Md Yazin, Ketua Sektor Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit.

Program yang disertai oleh seramai 269 orang warga IPKKM ini bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) di samping menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui penyertaan dalam aktiviti fizikal secara menyeluruh dan bersepadu. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam memperkukuh budaya kerja sihat dan selamat di tempat kerja.

Sebagai penghargaan atas penyertaan dan semangat kesukanan para peserta, 22 peserta terawal telah menerima hadiah kemenangan. Hadiah bagi tempat pertama hingga ketiga telah disampaikan oleh Dr. Nik Khairol Reza, manakala hadiah saguhati bagi tempat keempat hingga kedua puluh dua telah disampaikan oleh wakil urus setia program. Penganjuran OSH Fun Run ini diharap dapat menjadi platform berterusan dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di samping mempererat hubungan silaturahim antara warga kerja KKM. Program sebegini bukan sahaja menyemai kesedaran terhadap kepentingan kesejahteraan di tempat kerja, malah mendorong warga kementerian untuk terus mengamalkan gaya hidup aktif, produktif dan berdaya saing.



MAJLIS SAMBUTAN HARI KESIHATAN PERSEKITARAN SEDUNIA

Port Dickson, 18 Oktober 2025 – Majlis Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat KKM 2025 telah dirasmikan oleh YBMK dengan tema “Udara Bersih, Rakyat Sihat”. Bertujuan menunjukkan iltizam KKM memartabatkan kesihatan persekitaran termasuk kesihatan bumi (*planetary health*), serta keprihatinan KKM dalam menjaga kesihatan rakyat dalam persekitaran yang semakin mencabar. Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran 500 orang anggota kesihatan.

Pengisian aktiviti termasuk gimik perasmian dengan menanam pokok *Norfolk Island Pine* sebagai simbolik ke arah udara yang lebih bersih, pameran *Lung Health Initiative* (LHI), reruai Unit Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri bagi tujuan pengumpulan ubat-ubatan yang tidak habis digunakan dan pelepasan peserta Explorace Persekitaran di Pantai Cermin.



PINK RIBBON RUN 2025: LARIAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA

Putrajaya, 25 Oktober– Kemuncak sambutan Bulan Kesedaran Kanser Payudara diraikan dengan acara Pink Ribbon Run 2025 yang telah diadakan bertempat di Dataran Wawasan Putrajaya. DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin telah berangkat untuk mencemar duli bagi menyerikan acara tersebut. Lebih 1,000 orang peserta larian yang terdiri daripada bekas pesakit kanser payudara, keluarga pesakit, dan orang awam telah berjaya menamatkan larian sejauh 10km.

Selain larian, forum kesihatan dan klinik bergerak bagi pemeriksaan mammogram dan ultrasound bagi pengesanan kanser payudara secara percuma turut diadakan dengan kerjasama National Cancer Society Malaysia (NCSM), Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Breast Cancer Welfare Association (BCWA). Acara turut dimeriahkan dengan persembahan artis, antaranya Ella, Kumpulan Elite dan Bella Astillah.



MYNAPHS : PELUNCURAN PLAN TINDAKAN SEKURITI KESIHATAN KEBANGSAAN

Putrajaya, 11 November 2025 — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menganjurkan Majlis Peluncuran Pelan Tindakan Keselamatan Kesihatan Kebangsaan (Malaysia National Action Plan for Health Security – MyNAPHS) 2025–2030, yang turut merasmikan buku MyNAPHS 2025–2030, di Putrajaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia, serta dihadiri 104 peserta termasuk wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan kepimpinan daripada 27 agensi kementerian serta agensi berkaitan.



MyNAPHS merupakan pelan tindakan intersektoral yang dibangunkan melalui penglibatan 27 agensi, bertujuan memperkukuh keupayaan negara dalam mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap ancaman kesihatan awam, di samping memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan kritikal serta pemulihan sistem kesihatan yang berdaya tahan, selaras dengan International Health Regulations (IHR) melalui pendekatan *Whole-of-Government*, *Whole-of-Society* dan prinsip *One Health*.



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN BENCANA (JTPB) BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 PERINGKAT KEBANGSAAN

Putrajaya, 17 November 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Bencana (JTPB) Banjir Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 17 November 2025 jam 9.00 pagi.

Mesyuarat yang di pengurusikan oleh YBrs Dr Ismuni bin Bohari, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) ini bertujuan untuk menyelaraskan perancangan, kesiapsiagaan, dan respons sektor kesihatan bagi menghadapi risiko banjir semasa musim MTL 2025/2026.

Mesyuarat yang dihadiri oleh wakil dari semua Bahagian, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri ini telah membincangkan status kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan, peranan dan tanggungjawab agensi terlibat, serta langkah-langkah penambahbaikan dalam pengurusan bencana bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan awam semasa kejadian banjir.



BENGKEL PANDEMIC INFLUENZA SEVERITY ASSESSMENT (PISA) PERINGKAT KEBANGSAAN

Putrajaya, 25–27 November 2025 — Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menganjurkan Bengkel *Pandemic Influenza Severity Assessment* (PISA) bertempat di DoubleTree by Hilton, Putrajaya. Bengkel ini telah dihadiri oleh pesertadaripada KKM dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) seluruh negara, merangkumi pegawai kesihatan awam yang terlibat secara langsung dalam surveilan influenza dan penilaian keterukan wabak.

Bengkel ini memberi tumpuan kepada latihan praktikal melibatkan pemilihan dan penilaian kualiti data surveilan, penetapan ambang wabak menggunakan kaedah *WHO average curve*, *Moving Epidemic Method* (MEM) dan peratusil, serta interpretasi dan pelaporan keterukan influenza melalui kerangka PISA dan platform RespiMart. Penganjuran bengkel ini menyokong pengukuhan kapasiti teknikal peringkat nasional dan negeri dalam kesiapsiagaan serta tindak balas pandemik influenza secara berasaskan bukti dan selaras dengan keperluan pelaporan antarabangsa.

ASEAN EMERGENCY OPERATION CENTRE (EOC) NETWORK PROJECT: EMERGENCY OPERATIONS CENTRE APPLICATION COURSE DI CAPRI BY FRASER HOTEL, KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 25–28 November 2025 – Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dengan kerjasama Sekretariat ASEAN, Global Affairs Canada (GAC) serta Justice Institute of British Columbia (JIBC), Kanada telah mengadakan Program ASEAN Emergency Operations Centre (EOC) Instructor Development dan EOC Application Course 3 pada 25 hingga 28 November 2026 bertempat di Capri by Fraser Hotel, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan sebahagian daripada ASEAN EOC Network Project: Certified EOC Course for ASEAN Member States (AMS) yang melibatkan seramai enam (6) orang fasilitator dan 24 orang peserta dari 10 negara ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, dan Vietnam. Kursus ini merupakan latihan berbentuk hands-on bagi meningkatkan keupayaan peserta dalam pengoperasian Pusat Operasi Kecemasan (EOC) serta membolehkan peserta mengaplikasikan pengetahuan dan prosedur operasi yang telah dipelajari melalui kursus dalam talian terdahulu ke dalam situasi operasi sebenar.



MESYUARAT JAWATANKUASA ANTARA KEMENTERIAN BAGI KAWALAN PENYAKIT ZONOTIK 2025

Putrajaya, 8 Disember 2025 - Mesyuarat Jawatankuasa Antara Kementerian Bagi Kawalan Penyakit Zoonotik telah dianjurkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar. Seramai 41 orang ahli telah menghadiri mesyuarat ini yang terdiri daripada kepimpinan tertinggi dan pegawai kanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar (PERHILITAN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Hidupan Liar Sabah, dan wakil akademik Malaysia One Health University Network (MyOHUN).

Fokus utama mesyuarat ini merangkumi pengukuhan tadbir urus One Health rentas sektor di peringkat kebangsaan, peranan Malaysia sebagai Pengerusi Bersama Utama (Lead Co-Chair) ASEAN One Health Network (AOHN), perkongsian maklumat penyakit zoonotik keutamaan, dan laporan analisis situasi semasa One Health hasil daripada IHR-PVS National Bridging Workshop yang diadakan pada November lalu.

Hasil mesyuarat ini menjadi asas kepada pengukuhan tadbir urus dan pelaksanaan inisiatif One Health yang lebih mampan melalui kerjasama rentas sektor yang berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, koordinasi, dan pembangunan kapasiti.



MAJLIS PERASMIAN INSEKTARIUM WOLBACHIA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Putrajaya, 17 Disember 2025 - Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Majlis Perasmian Insektarium *Wolbachia* Putrajaya pada 17 Disember 2025 bertempat di Insektarium *Wolbachia* WP Putrajaya, Presint 20, Putrajaya. Majlis disempurnakan secara bersama oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia dan YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Majlis perasmian ini melambangkan komitmen Perbadanan Putrajaya dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dalam memperluaskan pelaksanaan pengoperasian pelepasan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* di Putrajaya. Kerjasama ini memperkukuhkan kawalan dan pencegahan denggi melalui pelepasan nyamuk ber*Wolbachia* di Putrajaya dan menjadi model kolaborasi antara pihak berkuasa tempatan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

Menteri Kesihatan dalam ucapannya telah menzahirkan penghargaan kepada Perbadanan Putrajaya kerana telah menyokong KKM dalam pengoperasian pelepasan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* dengan penyediaan fasiliti dan bantuan logistik bagi tujuan tersebut. Langkah ini merupakan manifestasi kepada pelaksanaan pendekatan *Whole of Nation* melalui penglibatan secara aktif agensi luar selain KKM dalam usaha untuk mengurangkan beban penyakit denggi di Malaysia.



PEMANTAUAN CRISIS PREPAREDNESS AND RESPONSE CENTRE (CPRC) KEBANGSAAN KE CPRC NEGERI DAN BILIK GERAKAN DAERAH (PKD)

Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis, dan Kecemasan (SPBWKK), Bahagian Kawalan Penyakit telah melaksanakan pemantauan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi memastikan kesiapsiagaan, penyelarasan operasi, dan kecekapan respons terhadap bencana, wabak, krisis, dan kecemasan (BWKK) berada pada tahap optimum. Sebanyak lima (5) CPRC Negeri dan tujuh (7) bilik gerakan PKD/PKB telah di lawati seperti berikut:

BIL.	CPRC/BILIK GERAKAN	BILIK GERAKAN PKD/PKB	TARIKH
1	CPRC Sarawak	PKB Sibu PKD Meradong PKB Sarikei	6 - 8 Oktober 2025
2	CPRC Perlis	PKD Kangar	23 Oktober 2025
3	CPRC Pahang	PKD Temerloh	23 - 24 Oktober 2025
4	CPRC Negeri Sembilan	PKD Port Dickson	20 - 21 November 2025
5	CPRC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	PK Cheras	16 Disember 2025

Hasil pemantauan mendapati pengurusan CPRC Negeri dan Bilik Gerakan PKD berada pada tahap yang memuaskan serta memenuhi standard yang ditetapkan, dengan pencapaian markah pemantauan melebihi 80%.



LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA KE CPRC KEBANGSAAN

Putrajaya - CPRC Kebangsaan telah menerima lawatan delegasi antarabangsa sebagai usaha memperkukuhkan kerjasama, perkongsian maklumat serta pertukaran kepakaran dalam bidang kesiapsiagaan dan respons kesihatan awam.

Objektif lawatan ini adalah untuk berkongsi amalan terbaik pengoperasian CPRC, memahami struktur dan mekanisme pengurusan kecemasan kesihatan awam di Malaysia, serta meneroka peluang kerjasama teknikal dan strategik antara negara dalam pengurusan bencana dan wabak penyakit.

- Korea Disease Control and Prevention Agency (KDCA), Korea pada 29 Oktober 2025 sebanyak lapan (8) orang.
- Disease Control and Prevention Administration of Guangxi Zhuang Autonomous Region (DCPAG), China pada 3 Disember 2025 sebanyak enam (6) orang.



SURVELAN NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT

NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT YANG DILAPORKAN DARI ME 40 – ME 53 BAGI TAHUN 2024 DAN 2025

PENYAKIT	2025			JUMLAH	2024			JUMLAH
	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER		OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER	
	ME 40 - 44	ME 45 - 48	ME 49 - 53		ME 40 - 44	ME 45 - 48	ME 49 - 52	
DENGUE FEVER	4,398	3,449	4,967	12,814	7,740	5,699	5,474	18,913
HFMD	5,114	3,176	4,048	12,338	5,953	7,645	13,497	27,095
COVID-19	5,228	1,441	1,225	7,894	4,241	4,840	5,787	14,868
TUBERCULOSIS	2,559	2,197	2,541	7,297	2,645	2,223	2,104	6,972
FOOD POISONING	1,882	1,448	924	4,254	3,445	1,257	1,098	5,800
HEPATITIS B	891	751	859	2,501	693	594	626	1,913
SYPHILIS	538	402	516	1,456	569	478	465	1,512
HEPATITIS C	404	424	434	1,262	483	445	496	1,424
GONORRHEA	351	338	438	1,127	406	326	335	1,067
HIV	322	213	293	828	304	249	302	855
MALARIA	253	205	254	712	242	160	125	527
LEPTOSPIROSIS	106	103	134	343	257	172	168	597
AIDS	107	63	101	271	140	91	114	345
DYSENTERY	69	74	110	253	79	61	83	223
FILARIASIS	103	56	67	226	103	53	69	225
MEASLES	54	25	66	145	220	187	105	512
HEPATITIS A	36	16	18	70	22	16	20	58
LEPROSY	24	16	22	62	18	50	39	107
TYPHOID AND PARATYPHI	13	11	21	45	15	7	7	29
PERTUSSIS	13	11	14	38	14	18	6	38
CHIKUNGUNYA	8	2	17	27	5	3	4	12
TYPHUS	9	6	6	21	7	5	1	13
OTHERS TETANUS	3	1	6	10	4	4	1	9
NEONATAL TETANUS	3	3	1	7	3	0	4	7
OTHER SPECIFIED VIRAL HEPATITIS	2	2	3	7	0	3	0	3
MPOX	1	6	0	7	0	1	0	1
DIPHThERIA	0	1	5	6	0	1	1	2
JAPANESE ENCEPHALITIS	4	1	1	6	3	2	2	7
OTHERS VIRAL ENCEPHALITIS	2	0	4	6	0	0	0	0
RABIES	2	1	1	4	0	1	1	2
CHOLERA	0	2	0	2	9	0	1	10
ZIKA VIRUS INFECTION	2	0	0	2	0	0	0	0


Sumber: Sistem eNotifikasi, SM2, NAR, MyTB, MyHansen, eDengueV2 dan eVekpro

Nota:

1. Tiada kes dicatatkan pada ME 40/2025 – ME 53/2025 bagi penyakit Acute Poliomyelitis, Plague, Relapsing Fever, Chancroid, Avian Influenza, Ebola, Nipah dan MERS-CoV.
2. Jadual notifikasi penyakit berjangkit adalah mengikut Daftar Kes dan kedudukan penyakit adalah mengikut Jumlah bagi ME 40 – ME 53 tahun 2025.
3. Data yang dilaporkan adalah data awalan dan tertakluk kepada pengemaskinian.

EVENT-BASED SURVEILLANCE

NOTIFIKASI WABAK PENYAKIT YANG DILAPORKAN DARI ME 40 – ME 53 BAGI TAHUN 2024 DAN 2025									
BIL	WABAK PENYAKIT	TAHUN 2025			JUMLAH	TAHUN 2024			JUMLAH
		OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER		OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER	
		ME 40 - 44	ME 45 - 48	ME 49 - 53		ME 40 - 44	ME 45 - 48	ME 49 - 53	
1	DENGGI	420	373	532	1325	837	540	630	2007
2	INFLUENZA A, B DAN A&B	593	108	10	711	65	36	29	130
3	HFMD	104	69	75	248	197	260	320	777
4	KERACUNAN MAKANAN	39	37	27	103	59	38	31	128
5	CHICKENPOX	7	14	11	32	26	21	14	61
6	TUBERKULOSIS	4	9	4	17	12	7	6	25
7	COVID-19	10	4	2	16	2	2	3	7
8	ILI	13	0	1	14	5	0	3	8
9	ROTAVIRUS	6	4	0	10	6	2	0	8
10	KONJUNKTIVITIS	3	4	2	9	6	5	2	13
11	MEASLES	4	1	3	8	8	19	6	33
12	DISYAKI ROTAVIRUS	4	1	2	7	0	0	0	0
13	DIFTERIA	1	0	5	6	1	0	2	3
14	LEPTOSPIROSIS	2	1	2	5	5	2	0	7
15	SCABIES	3	1	1	5	4	4	3	11
16	PERTUSSIS	1	1	2	4	1	2	0	3
17	HEPATATIS A	2	0	1	3	0	0	0	0
18	RESPIRATORY SYNCIAL VIRUS	2	1	0	3	0	0	0	0
19	TIFOID	1	0	1	2	0	0	0	0
20	MPOX	1	1	0	2	0	0	1	1
21	KOLERA	0	2	0	2	5	0	1	6
22	NOROVIRUS	1	0	1	2	0	0	0	0
23	DISYAKI NOROVIRUS	0	0	1	1	0	0	0	0
24	MELIOIDOSIS	0	0	1	1	0	0	0	0
25	MENINGITIS	0	1	0	1	0	0	0	0
26	ZIKA	1	0	0	1	0	0	0	0
27	PARATYPHI B	0	0	0	0	0	1	0	1
28	RHIZOPUS	0	0	0	0	1	0	0	1
29	MUMPS	0	0	0	0	1	0	0	1
30	AGE	0	0	0	0	9	8	3	20
JUMLAH		1,222	632	684	2,538	1,250	947	1,054	3,251




Pada ME 40/2025 sehingga ME 53/2025, sebanyak 2,538 kejadian wabak penyakit telah dilaporkan ke CPRC Kebangsaan KKM berbanding tahun 2024 sebanyak 3,251 kejadian wabak penyakit, menunjukkan penurunan sebanyak 28%. Lima (5) wabak penyakit yang mempengaruhi penurunan adalah Denggi (51%), HFMD (213%), Keracunan Makanan (24%), Chickenpox (91%) dan Tuberkulosis (47%).

Pada ME 40/2025 sehingga ME 53/2025, sebanyak 198 kejadian bencana, krisis, dan kecemasan telah dilaporkan ke CPRC Kebangsaan KKM berbanding tahun 2024 sebanyak 171 kejadian bencana, krisis, dan kecemasan, menjadikan peningkatan sebanyak 14%.

Empat (4) kejadian bencana, krisis, dan kecemasan yang menunjukkan peningkatan iaitu kebakaran (8%), kemalangan jalan raya yang berskala besar (69%), kejadian ribut (100%) dan kejadian tanah runtuh (67%).


RUMOR SURVEILLANCE



* Status isyarat adalah berdasarkan penilaian risiko Event Screening Risk Assessment (ESRA) mengikut tahap keutamaan: Hijau (Acknowledge); Kuning (Moderate) dan Merah (High Urgent).

Merujuk graf di atas menunjukkan graf taburan *rumours surveillance* bagi ME 1/2025 hingga ME 53/2025. Sepanjang ME 1 hingga ME 53, pemantauan *rumours surveillance* menunjukkan dominasi Risiko Rendah (Hijau), dengan peningkatan aktiviti yang ketara direkodkan pada penghujung tahun dan kemuncak tertinggi pada ME 48. Walaupun sebahagian besar rumor berada dalam keadaan terkawal, peningkatan konsisten kategori Risiko Sederhana (Kuning) serta kemunculan Risiko Tinggi (Merah) secara sporadik antara ME 35/2025 hingga ME 42/2025 menandakan keperluan pengukuhan strategi komunikasi risiko. Bagi tahun 2025, sebanyak 4,005 isu rumor telah direkodkan, terdiri daripada 3,228 kes (80.6%) Kod Hijau, 770 kes (19.2%) Kod Kuning, dan 7 kes (0.2%) Kod Merah. Isu Kod Hijau tertumpu kepada pemantauan rutin penyakit berjangkit seperti Measles, Mpox dan Covid-19. Kod Kuning pula banyak melibatkan bencana alam (banjir besar Pantai Timur, tanah runtuh) serta penyakit yang memerlukan tindakan teknikal segera seperti Influenza dan penyakit zoonotik. Sementara itu, kes Kod Merah melibatkan insiden kritikal berimpak tinggi termasuk kematian akibat Influenza di sekolah, kebocoran saluran gas, gegaran gempa bumi, serta kes kematian berkaitan Rabies dan keracunan makanan. Secara keseluruhannya, walaupun situasi kekal terkawal, kekerapan isu Kod Kuning dan kemunculan kes Kod Merah menuntut kesiapsiagaan berterusan, respons pantas serta komunikasi risiko yang lebih proaktif.

Graf trend pelaporan insiden dari ME 40/2025 sehingga ME 53/2025 menunjukkan peningkatan ketara bermula ME 47/2025 dan memuncak sekitar ME 49/2025 hingga ME 51/2025, sebelum menurun pada ME 52/2025 sehingga ME 53/2025. Peningkatan ini adalah selari dengan musim Monsun Timur Laut, yang menyebabkan kejadian banjir dilaporkan dengan lebih kerap dan menjadi penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan insiden dalam tempoh tersebut.



Sementara itu, insiden lain seperti influenza, kebakaran/kemalangan, pencemaran, saringan NCD dan gempa bumi kekal pada paras rendah hingga sederhana dengan turun naik kecil antara minggu. Corak ini menunjukkan bahawa faktor cuaca dan persekitaran memainkan peranan utama terhadap peningkatan keseluruhan laporan, manakala insiden bukan berkaitan cuaca kekal stabil dan terkawal sepanjang tempoh pemantauan.



INFLUENZA

Malaysia - Kes influenza bermusim telah kembali ke paras normal, khususnya di sekolah, MRSM dan institusi pendidikan lain, dengan kluster baharu dilaporkan hampir setiap minggu. KKM bersama KPM memperkuatkan pemantauan, pengurusan kluster bersasar serta menggalakkan vaksinasi dan penggunaan kit ujian saringan bagi pengesanan awal.

Antarabangsa - Aktiviti influenza meningkat di hemisfera utara termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Timur, dengan influenza A(H3N2) kekal dominan. WHO menekankan kesiapsiagaan berterusan, pemantauan rapi dan pengukuhan sistem kesihatan bagi mengurangkan impak penyakit.



BANJIR

Malaysia - Banjir melanda beberapa negeri termasuk Sabah, Sarawak, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah, dengan seramai 1,419 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS), termasuk kanak-kanak. Beberapa kawasan masih mencatat peningkatan paras air, manakala sebahagian kawasan lain menunjukkan tanda pemulihan.

Antarabangsa - Beberapa negara di Asia Tenggara dan Asia Selatan termasuk Thailand, Vietnam, Filipina dan Pakistan turut mengalami banjir besar yang mengakibatkan kematian, pemindahan penduduk berskala besar serta kerosakan infrastruktur.



ROKOK

Malaysia - KKM terus memperkuatkan penguatkuasaan kawalan produk merokok termasuk rokok elektronik bagi menurunkan prevalens merokok dewasa dan membendung penggunaan dalam kalangan remaja, selaras dengan sasaran Malaysia Bebas Rokok 2040. Tindakan meliputi pemantauan premis, pendidikan kesihatan serta pelaksanaan program intervensi berhenti merokok.

Antarabangsa - Di peringkat global, WHO melaporkan kira-kira 19.5% populasi dewasa masih menggunakan tembakau, manakala penggunaan rokok elektronik dalam kalangan belia terus meningkat. Trend ini menuntut pengukuhan kawalan dan penyelarasan dasar kesihatan awam secara global bagi mengurangkan risiko kesihatan berkaitan tembakau.




PERUBAHAN IKLIM


Malaysia dan Antarabangsa - Corak cuaca tidak menentu dikesan sepanjang Monsun Barat Daya (MBD) dan Monsun Timur Laut (MTL) dengan hujan berselang-seli cuaca panas, banjir kilat dan tanah runtuh di beberapa negeri. MetMalaysia turut menjangkakan kemungkinan fenomena La Niña singkat yang berpotensi meningkatkan taburan hujan melebihi purata, sekali gus memerlukan pemantauan paras sungai, kesiapsiagaan PPS dan langkah mitigasi berterusan. Di peringkat global, tahun 2025 direkodkan antara yang paling ekstrem dengan kejadian ribut tropika, banjir besar, gelombang panas dan kebakaran hutan yang memberi impak sosial dan ekonomi meluas. Situasi ini menekankan keperluan pengukuhan tindakan mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim di peringkat global.

MALAYSIA INFLUENZA SURVEILLANCE


TREND PEMANTAUAN ILI & SARI DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025




KADAR KONSULTASI ILI DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 52/2025



KADAR POSITIF PATOGEN PERNAFASAN (34 MAKMAL HOSPITAL KKM) ME 1/2025 SEHINGGA ME 52/2025



KADAR POSITIF INFLUENZA DARI TAHUN 2022 SEHINGGA ME 52/2025



Sepanjang ME 40/2025 hingga ME 44/2025, kadar konsultasi Influenza-Like Illness (ILI) meningkat secara konsisten dan mencapai paras tertinggi sekitar ME 43/2025 hingga ME 44/2025, selari dengan lonjakan bilangan kluster ILI dalam tempoh yang sama. Bermula ME 45/2025 hingga ME 52/2025, kadar konsultasi ILI menunjukkan trend penurunan dan menjadi lebih mendatar, manakala bilangan kluster turut berkurang selepas kemuncak awal, mencadangkan penyederhanaan penularan di peringkat komuniti walaupun kes ILI masih berterusan.

Sebaliknya, kadar kemasukan kes Severe Acute Respiratory Infection (SARI) terus meningkat sejak ME 40/2025 dan kekal pada paras yang relatif tinggi sehingga ME 52/2025 tanpa penurunan ketara. Corak ini menunjukkan peralihan beban penyakit daripada jangkitan pernafasan ringan di komuniti kepada kes yang lebih teruk, berkemungkinan melibatkan kumpulan berisiko tinggi serta faktor kelewatan mendapatkan rawatan.


Dari sudut virologi, Influenza A kekal sebagai patogen dominan sepanjang ME 40/2025 hingga ME 52/2025, dengan kadar positif meningkat sejak ME 42/2025, memuncak sekitar ME 44/2025 hingga ME 45/2025 dan kekal tinggi sehingga akhir tahun. Corak ini selari dengan peningkatan berterusan kes SARI dan melebihi paras bagi minggu sepadan dalam tempoh 2022–2024, mengesahkan peranan utama Influenza A dalam menyumbang kepada beban penyakit pernafasan teruk. Dalam tempoh yang sama, Respiratory Syncytial Virus (RSV) turut menunjukkan peningkatan sederhana dan menjadi patogen kedua paling dominan, manakala Influenza B kekal rendah.

Subklade K Influenza A(H3N2) (J.2.4.1) yang dikenal pasti di Malaysia menunjukkan beberapa mutasi pada gen hemagglutinin (HA) yang berpotensi meningkatkan kebolehjangkitan, namun pemantauan genomik melalui World Health Organization FluNet setakat ini tidak menunjukkan perubahan genetik baharu yang signifikan. Peningkatan kes influenza yang diperhatikan adalah lebih konsisten dengan pola penularan bermusim global, selari dengan laporan peningkatan kes di negara beriklim sederhana dan sejuk semasa musim sejuk yang sering dilaporkan media antarabangsa, dan bukannya akibat kemunculan strain baharu. Sehubungan itu, rumors surveillance yang pernah tular berkaitan dakwaan mutasi berbahaya atau wabak luar biasa tidak disokong oleh bukti surveilans semasa, sekali gus menegaskan kepentingan pemantauan berterusan dan komunikasi risiko berasaskan bukti.


Secara keseluruhan, tempoh ME 40/2025 hingga ME 52/2025 memperlihatkan aktiviti jangkitan pernafasan yang aktif dengan dominasi Influenza A, pengurangan ILI di komuniti, namun beban kes SARI masih kekal tinggi hingga akhir tahun. Keadaan ini menekankan keperluan pemantauan berterusan, kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan serta pengukuhan langkah pencegahan termasuk vaksinasi influenza, khususnya dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi.

PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)

TREND KES PENYAKIT HFMD DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025




TREND SIRKULASI VIRUS HFMD DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



BILANGAN KES HFMD PADA ME 40/2025 – ME 53/2025 MENGIKUT NEGERI

Negeri	Bilangan Kes
Selangor	3,250
Sarawak	1,482
Johor	988
Pulau Pinang	974
WPKL & Putrajaya	962
Sabah	925
Perak	913
Kedah	748
Pahang	519
Negeri Sembilan	442
Kelantan	404
Melaka	362
Terengganu	151
Perlis	134
WP Labuan	84
JUMLAH	12,338

BILANGAN KES HFMD PADA ME 40/2025 – ME 53/2025 MENGIKUT KUMPULAN UMUR




Secara kumulatif, sebanyak 268,343 kes HFMD dilaporkan di Malaysia pada tahun 2025, berbanding 80,964 kes iaitu peningkatan sebanyak 231% berbanding tahun 2024. Walaubagaimanapun, tiada kes kematian dilaporkan. Bilangan kes mingguan menunjukkan peningkatan melebihi paras "Action" bermula pada ME 3/2025, dan jumlah kes mingguan tertinggi dicatatkan pada ME 19/2025 dengan jumlah kes melebihi 20,000 kes. Seterusnya kes mula menunjukkan penurunan dan di bawah paras "Action" kebangsaan bermula pada ME 30/2025, dan di bawah paras "Alert" bermula ME 36/2025. Sebanyak 12,338 kes HFMD telah dilaporkan di Malaysia bermula pada ME 40/2025 sehingga ME 53/2025 dan ini menunjukkan penurunan kes berbanding bulan sebelumnya. Penurunan kes HFMD adalah hasil daripada tindakan kawalan segera dan berterusan yang dilaksanakan di semua peringkat.

Peningkatan kes HFMD pada 2025 adalah selari dengan perubahan dominan virus yang sedang beredar (*circulating virus*) iaitu daripada Pan enterovirus pada 2023 kepada Cxsackie A 16 (CA16) bermula pada penghujung tahun 2024. Pemantauan sirkulasi virus HFMD terkini menunjukkan Cxsackie A 16 (CA16) telah menunjukkan penurunan manakala Enterovirus A, 71 (EV71) telah menunjukkan peningkatan sejak ME 19/2025. Secara kumulatif, virus yang dikesan adalah Cxsackievirus A16 (CA16) sebanyak 56.64%, Enterovirus A, 71 (EV71) – 15.65%, Cxsackievirus A6 (CA6) – 13.84%, Pan-Enterovirus sebanyak 13.7% dan selebihnya Cxsackie A4: 1 (0.03%) dan Cxsackie A4: 1 (0.03%)

Aktiviti pemantauan dan advokasi dijalankan secara berterusan, khususnya di lokasi berisiko seperti pusat pendidikan dan asuhan kanak-kanak, bagi memastikan kawalan kes HFMD kekal berkesan. Pemantauan terhadap perubahan virus yang sedang beredar turut diteruskan melalui sistem surveilan makmal sedia ada.

TREND WABAK HFMD DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



BILANGAN WABAK DAN KES WABAK HFMD YANG DILAPORKAN SEPANJANG ME 40/2025 – ME 53/2025 MENGIKUT KATEGORI LOKALITI

Kategori Lokaliti	Wabak		Kes Wabak	
	Bil. (n)	Peratus (%)	Bil. (n)	Peratus (%)
Rumah persendirian	113	45.56%	249	37.22%
Taska	60	24.19%	217	32.44%
Tadika/Tabika	33	13.31%	94	14.05%
Sekolah	283	11.29%	75	11.21%
Pra sekolah	14	5.65%	34	5.08%
Jumlah	248	100.00%	669	100.00%

- Dalam tempoh ME 40/2025 sehingga ME 53/2025, sebanyak 248 wabak dilaporkan dengan bilangan kes sebanyak 669. Bilangan wabak dengan bilangan kes tertinggi dilaporkan di lokaliti yang melibatkan institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu sebanyak 43.15%. Ini selari dengan bilangan kes di mana 77% adalah melibatkan kumpulan umur di bawah tujuh (7) tahun.
- Langkah kawalan yang diambil tertumpu kepada institusi pendidikan dan juga penglibatan komuniti termasuk sesi *townhall*, libat urus bersama agensi, serta penutupan premis samada di bawah Akta 342 dan secara sukarela berdasarkan penilaian risiko.

HEPATITIS A

Pada ME 49/2025 hingga ME 53/2025, sebanyak 18 kes Hepatitis A telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi, menunjukkan penurunan sebanyak 10% berbanding 20 kes yang dicatatkan pada 2024.

Satu wabak Hepatitis A didaftarkan pada ME 49/2025 di Kg Ulu Murut Kalabakan, Rumah Pink Tepi Jalan Kalabakan Keningau, Sabah.

Sehingga ME 53/2025, sebanyak 295 kes Hepatitis A telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi melibatkan semua negeri kecuali Perlis. Negeri Sabah melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 159 kes (54%).


Daripada 295 kes, sebanyak 29 kes berkaitan kluster/wabak, manakala selebihnya (266 kes) adalah kes sporadik. Analisa menunjukkan kumpulan umur 25-60 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 189 kes, (64% daripada keseluruhan). Lelaki mencatatkan jumlah kes sebanyak 150 berbanding perempuan 145 kes.

Susulan peningkatan kes Hepatitis A, Bahagian Kawalan Penyakit telah mengadakan lawatan ke Sabah pada 10-12 September 2025 untuk menyiasat punca dan faktor risiko penularan.

Analisis awal EIP menunjukkan pencemaran air dan sanitasi lemah sebagai penyumbang utama, dengan kanak-kanak dan pekerja makanan antara yang paling terdedah.

Cadangan intervensi termasuk penguatkuasaan kebersihan, kempen kesedaran, vaksinasi kumpulan berisiko, pemantauan aktif, dan koordinasi antara agensi bagi memastikan kawalan penyakit dilaksanakan secara berkesan.


TREND KES HEPATITIS A DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



BILANGAN KES HEPATITIS A PADA ME40/2025 - ME53/2025 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BIL. KES
JOHOR	5
MELAKA	1
NEGERI SEMBILAN	2
PAHANG	2
PERAK	2
SABAH	37
SELANGOR	14
JUMLAH	69

BILANGAN KES HEPATITIS A PADA ME 40/2025 - ME 53/2025 MENGIKUT KUMPULAN UMUR



DISENTERI

Pada ME 49/2025 hingga ME 53/2025, sebanyak 106 kes Disenteri telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi, iaitu peningkatan sebanyak 31% berbanding tempoh yang sama tahun 2024.

Semua kes dilaporkan adalah sporadik yang melibatkan rumah persendirian.

Secara kumulatif pada tahun 2025, sejumlah 1003 kes Disenteri telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi. Daripada jumlah ini, sebanyak 421 kes melibatkan pesakit berusia antara 0-19 tahun (52%), menjadikan kumpulan tersebut paling berisiko berikutan tahap imuniti yang masih rendah.

Purata pendaftaran kes mingguan ialah sebanyak 19 kes. Daripada segi lokasi, negeri Selangor (daerah Petaling) mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 318.


Penyakit ini mudah merebak apabila amalan kebersihan diri, khususnya pencucian tangan menggunakan air dan sabun, tidak dipatuhi sebelum pengendalian makanan dan selepas menggunakan tandas.

Memandangkan kanak-kanak merupakan kumpulan berisiko tinggi, penekanan khusus perlu diberikan kepada kebersihan tangan semasa penyediaan makanan, pemberian susu dan selepas penukaran lampin. Orang awam juga disarankan mengamalkan kebersihan diri yang baik, memastikan makanan dimasak sepenuhnya serta menggunakan sumber air bersih bagi pencegahan yang menyeluruh.


BILANGAN KES DISENTERI PADA ME40/2025 - ME53/2025 MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BIL.KES
JOHOR	10
KEDAH	7
KELANTAN	11
MELAKA	4
NEGERI SEMBILAN	7
PAHANG	9
PERAK	2
PULAU PINANG	3
SABAH	10
SARAWAK	28
SELANGOR	3
TERENGGANU	12
WP KUALA LUMPUR	10
JUMLAH	106

BILANGAN KES DISENTERI PADA ME40/2025 - ME53/2025 MENGIKUT KUMPULAN UMUR



TREND KES DISENTERI DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



KERACUNAN MAKANAN

Pada ME 49/2025 hingga ME 53/2025, sebanyak 924 kes keracunan makanan didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi, menunjukkan penurunan sebanyak 16% berbanding tempoh sama pada tahun 2024.

Bagi tempoh ini, sebanyak 26 wabak keracunan makanan telah dilaporkan iaitu Selangor (9), Sarawak (4), Perak (3), Sabah (2), Negeri Sembilan (2), Kedah (2), dan masing-masing satu (1) episod di Pulau Pinang, Pahang, Terengganu, dan WP Kuala Lumpur.

Sehingga ME 53/2025, sebanyak 18,223 kes keracunan makanan telah didaftarkan dalam sistem E-Notifikasi dari semua negeri. Negeri Selangor melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 3,354 kes (18%).


Daripada 18,223 kes, sebanyak 14,072 kes berkaitan kluster/wabak, manakala baki 4,151 kes adalah kes sporadik. Analisis menunjukkan kumpulan umur 25–60 tahun mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 5,382 kes (24% daripada keseluruhan kes).

Perempuan mencatatkan jumlah kes yang lebih tinggi (9,396 kes) berbanding lelaki (8,827 kes).

Punca utama kejadian keracunan makanan adalah pencemaran silang yang berpunca daripada pengendali makanan, persekitaran, peralatan yang tidak bersih serta bahan mentah yang tercemar. Faktor risiko tambahan termasuk penyimpanan makanan pada suhu yang tidak sesuai melebihi tempoh empat jam.

Bagi menangani isu ini secara proaktif, tindakan kawalan dan pencegahan telah diambil, merangkumi pembersihan premis, penguatkuasaan peraturan, serta pemberian pendidikan kesihatan kepada pengendali makanan dan pelajar.


TREND KES KERACUNAN MAKANAN DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



BILANGAN KES KERACUNAN MAKANAN PADA ME40/2025 - ME53/2025 MENGIKUT NEGERI


NEGERI	BIL.KES
JOHOR	251
KEDAH	555
KELANTAN	78
MELAKA	262
NEGERI SEMBILAN	159
PAHANG	226
PERAK	297
PERLIS	75
PULAU PINANG	260
SABAH	324
SARAWAK	273
SELANGOR	974
TERENGGANU	282
WP KUALA LUMPUR	209
WP LABUAN	19
JUMLAH	4224

BILANGAN KES KERACUNAN MAKANAN PADA ME40/2025 - ME53/2025 MENGIKUT KUMPULAN UMUR



MALARIA

TREND KES MALARIA (SEMUA JENIS) DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



Sehingga ME 53/2025, Malaysia berjaya mengekalkan status sifar kes malaria manusia jangkitan tempatan (indigenous). Walaubagaimanapun, terdapat sejumlah 2,592 kes telah dilaporkan pada tahun 2025. Jumlah ini meningkat sebanyak 208 kes (8.7%) berbanding tempoh yang sama tahun 2024 (2,384 kes). Daripada jumlah ini, 2,088 kes adalah kes malaria zoonotik, 481 kes malaria manusia import dan 23 kes malaria manusia introduced. Sehingga ME 53/2025, terdapat tujuh (7) kematian malaria zoonotik dilaporkan dari negeri Sabah (3 kematian), Perak (3 kematian) dan Pahang (1 kematian).


KES MALARIA MENGIKUT JENIS DARI TAHUN ME 1 SEHINGGA ME 53/2025

NEGERI	MALARIA MANUSIA				Jumlah	MALARIA ZOONOTIK		Jumlah
	Indigenous	Introduced	Imported	Induced				
JOHOR	0	0	23	0	23	11		34
KEDAH	0	0	20	0	20	5		25
KELANTAN	0	12	42	0	54	171		225
MELAKA	0	0	6	0	6	0		6
NEGERI SEMBILAN	0	0	8	0	8	20		28
PULAU PINANG	0	0	38	0	38	0		38
PAHANG	0	3	24	0	27	72		99
PERAK	0	0	10	0	10	64		74
PERLIS	0	0	1	0	1	0		1
SABAH	0	7	13	0	20	1172		1192
SARAWAK	0	0	166	0	166	509		675
SELANGOR	0	1	91	0	92	57		149
TERENGGANU	0	0	14	0	14	7		21
WP LABUAN	0	0	0	0	0	0		0
WP KL	0	0	25	0	25	0		25
Jumlah	0	23	481	0	504	2088		2592

Negeri yang melaporkan malaria manusia yang tertinggi adalah negeri Sarawak (166 kes; 32.9%), diikuti oleh negeri Selangor (92 kes; 18.3%) dan Kelantan (54 kes; 10.7%). Majoriti kes malaria manusia ini adalah parasit vivax (354 kes; 70.2%). Manakala, negeri yang melaporkan malaria zoonotik yang tertinggi adalah Sabah (1,192 kes; 46.0%), diikuti negeri Sarawak (675 kes; 26.0%) dan Kelantan (225 kes; 8.7%).

Jenis Malaria	ME 1 - ME53/2025		ME 1 - ME52/2024		Perbezaan		STATUS
	No	%	No	%	No	%	
Malaria Manusia	504	19.4	452	19.0	52	11.5	meningkat
Malaria Zoonotik	2088	80.6	1932	81.0	156	8.1	meningkat
Jumlah	2592	100	2384	100	208	8.7	meningkat

TREND KES MALARIA ZOONOTIK DI SABAH DARI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



Trend kumulatif kes malaria menunjukkan peningkatan sebanyak 208 kes (8.7%) pada tahun 2025 berbanding tempoh yang sama tahun 2024. Manakala, terdapat tren penurunan kes malaria zoonotik khususnya di Sabah yang bermula pada ME 46/ 2025 (Gambarajah 2). Penurunan ini adalah berkait rapat dengan kejadian musim tengkujuh pada akhir tahun yang mengurangkan risiko gigitan nyamuk di pinggir hutan. Anggota kesihatan di lapangan perlu memastikan semua aktiviti dan strategi pencegahan dan kawalan malaria yang dirancang berjaya dilaksanakan. Aktiviti promosi kesihatan malaria boleh dipertingkatkan dan dilaksanakan secara bersepadu di dewan, balai raya, sekolah dan pusat- pusat pemindahan yang dibuka ketika banjir, tanah runtuh dan bencana alam sekitar yang lain. Usaha anggota kesihatan di lapangan sepanjang tahun adalah amat dihargai.

MPOX


Secara kumulatif, dari tempoh bermula tahun 2023 sehingga 2025, sebanyak 24 kes positif telah dilaporkan di Malaysia di mana sembilan (9) kes dilaporkan pada tahun 2023, dua (2) kes pada tahun 2024 dan 13 kes dilaporkan pada tahun 2025. 23 kes merupakan clade IIb manakala kes clade Ib pertama di Malaysia dilaporkan pada ME 41/2025. Daripada 24 kes yang dilaporkan, empat (4) adalah kes import (16.67%). Sebanyak 19 kes melibatkan warganegara Malaysia (79.17%), manakala empat (4) kes melibatkan bukan warganegara. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 14 kes (58.33%), diikuti dengan Selangor sebanyak empat (4) kes (16,67%). Sarawak dan Johor masing-masing sebanyak tiga (3) kes (12.50%). Tiada kes mpox dilaporkan di lain-lain negeri.

Di peringkat ASEAN, terdapat sebanyak 1,736 kes dengan 30 kematian direkodkan sejak tahun 2023 sehingga Nov 2025. Kadar kematian (CFR) tertinggi dilaporkan di Vietnam dengan 9 kematian (4.31%). Tiada kematian dilaporkan di Malaysia, berbanding beberapa negara ASEAN lain.

Pada tahun 2025, satu (1) kluster dikesan melibatkan lima (5) kes dengan empat (4) kes melibatkan perempuan termasuk dua (2) kanak-kanak berusia di bawah sembilan (9) tahun. Kluster ini pertama kali melaporkan kes melibatkan perempuan dimana kesemua mereka adalah kontak kes yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara. Kluster ini berjaya dikawal dan hanya melibatkan kontak isi rumah. Manakala bagi kes di kalangan jantina lelaki melibatkan julat umur antara 24 hingga 47 tahun. Kes tertinggi dilaporkan dalam kumpulan umur 30-39 tahun iaitu sebanyak 9 kes (45%), diikuti dengan umur 20 - 29 tahun iaitu sebanyak 8 kes (40%) selebihnya berada dalam kumpulan umur 40-49 tahun sebanyak tiga (3) kes (15%). Majoriti kes dalam kalangan lelaki mempunyai faktor risiko jangkitan melalui hubungan seksual.

Kawalan mpox di Malaysia meliputi pengukuhan surveilan, pengesanan kes dan kontak, pengasingan kes, ketersediaan vaksin dan antiviral, serta advokasi kepada kumpulan berisiko. Kemasukan mpox ke dalam Jadual Pertama Akta 342 membolehkan tindakan kawalan dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh negara.

KES MPOX MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA DARI TAHUN 2023 SEHINGGA 2025



BILANGAN KES MPOX DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2023 SEHINGGA ME 53/2025

Tahun	2023	2024	2025	Jumlah (n)	Peratus (%)
Bilangan Kes	9	2	13	24	-
Negeri					
Johor	0	1	2	3	12.50%
Kuala Lumpur	6	1	7	14	58.33%
Sarawak	1	0	2	3	12.50%
Selangor	2	0	2	4	16.67%
Warganegara					
Ya	8	2	9	19	79.17%
Tidak	1	0	4	5	20.83%
Jenis Jangkitan					
Import	1	0	3	4	16.67%
Tempatan	8	2	10	20	83.33%
Kumpulan Umur					
9 tahun ke bawah	0	0	2	2	8.33%
10-19 tahun	0	0	0	0	0.00%
20-29 tahun	3	1	5	9	37.50%
30-39 tahun	4	1	5	10	41.67%
40-49 tahun	2	0	1	3	12.50%
Jantina					
Lelaki	9	2	9	20	83%
Perempuan	0	0	4	4	17%

KES MPOX DI RANTAU ASEAN (1 JAN 2023 - NOV 2025)

Negara Anggota ASEAN	Kes Baru (23-29 Nov)	Kumulatif kes (2023-2025)	Kematian baru (23-29 Nov)	Kumulatif kematian (2023-2025)	Kadar kematian (%)
Cambodia	0	20	0	0	0.00%
Indonesia	0	87	0	0	0.00%
Lao PDR	0	1	0	0	0.00%
Malaysia	0	24	0	0	0.00%
Philippines	0	346	0	8	2.31%
Singapore	1	70	0	0	0.00%
Thailand	0	979	0	13	1.33%
Vietnam	0	209	0	9	4.31%
Jumlah	1	1736	0	30	1.73%

HEPATITIS B

Bagi tempoh ME 40/2025 hingga ME 53/2025, sebanyak 2,501 kes Hepatitis B telah dilaporkan yang merangkumi 1,019 kes akut (25%) dan 1,483 kes kronik (75%). Secara kumulatif, jumlah kes Hepatitis B bagi tahun 2025 adalah sebanyak 8,456 kes, menunjukkan peningkatan 0.9% berbanding 8,379 kes pada tahun 2024. (Rajah 1). Manakala, kes positif juga dikesan di kalangan mereka yang mengambil vaksin.


Berdasarkan status kewarganegaraan, majoriti kes adalah dalam kalangan warganegara iaitu 6,261 kes (74%), manakala bukan warganegara menyumbang sebanyak 2,195 kes (26%). Rajah 2).

Melalui Program Pencegahan Jangkitan Hepatitis B daripada Ibu kepada Anak, aktiviti saringan Hepatitis B dalam kalangan ibu hamil tanpa mengira status warganegara diperluaskan ke seluruh negara. Pengesanan awal jangkitan Hepatitis B akan dapat mengurangkan risiko transmisi kepada bayi yang dilahirkan melalui pemberian rawatan antiviral kepada ibu yang memenuhi kriteria.

Ini disusuli dengan pemberian suntikan vaksin Hepatitis B (dos kelahiran) dan Hepatitis B Immunoglobulin atau HBIG kepada bayi berisiko dalam tempoh 12 jam kelahiran akan meningkatkan pelindungan kepada bayi berisiko.


Melalui aktiviti pencegahan di bawah program ini, Malaysia dijangka akan dapat mengurangkan beban penyakit Hepatitis B khususnya kadar prevalen Hepatitis B kronik dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang dari 5 tahun menjelang 2030.

RAJAH 1: TREND PENYAKIT HEPATITIS B DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2024 SEHINGGA 2025



TUBERKULOSIS (TB)

TREND KES TIBI BAHARU DIDAFKARTKAN DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025




TREND KES TIBI BAHARU ME40-ME53 TAHUN 2024-2025 MENGIKUT NEGERI (NTBR)

NEGERI	Jumlah Kes Tibi Baharu ME40-ME53/2025	Jumlah Kes Tibi Baharu ME40-ME53/2024	Jumlah kes	%	Kumulatif Kes Tibi Baharu ME01-ME53/2025	Kumulatif Kes Tibi Baharu ME01-ME52/2024	Perbezaan kumulatif kes	%	Kadar Insiden TB (setiap 100,000 penduduk) Tahun 2025
Johor	594	520	74	14.2	2,150	1,930	220	11.4	51.12
Kedah	377	334	43	12.9	1,292	1,295	-3	-0.2	57.99
Kelantan	246	291	-45	-15.5	1,002	1,030	-28	-2.7	52.52
Melaka	129	137	-8	-5.8	443	530	-87	-16.4	42.09
Negeri Sembilan	151	160	-9	-5.6	580	623	-43	-6.9	46.60
Pahang	211	240	-29	-12.1	865	923	-58	-6.3	51.54
Perak	346	337	9	2.7	1,265	1,304	-39	-3.0	49.13
Perlis	47	34	13	38.2	153	132	21	15.9	51.38
Pulau Pinang	329	297	32	10.8	1,293	1,283	10	0.8	71.70
Sabah	1835	1582	253	16.0	6,444	5,982	462	7.7	171.40
Sarawak	889	863	26	3.0	3,085	3,250	-165	-5.1	121.95
Selangor	1466	1359	107	7.9	5,481	5,274	207	3.9	74.00
Terengganu	159	151	8	5.3	605	621	-16	-2.6	48.52
WP KL	489	534	-45	-8.4	1,959	1,888	71	3.8	89.25
WP Labuan	29	27	2	7.4	128	118	10	8.5	126.86
MALAYSIA	7,297	6,866	431	6.3	26,745	26,183	562	2.1	78.13

Pelaporan ini hanya mengambil kira kes TB baharu sahaja, selari dengan indikator yang dipantau oleh SDG 2030 dan End TB 2035 iaitu kadar insiden TB. Pada ME 40/2025 hingga ME 53/2025, sebanyak 7,297 kes baharu TB didaftarkan, peningkatan sebanyak 431 kes (6.3%) kes berbanding 6,866 kes TB baharu didaftarkan bagi tempoh sama pada tahun 2024. Graf bagi tahun 2025 menunjukkan pola turun naik (*fluctuation*) dan ia adalah konsisten dan hampir menyerupai pola tahun sebelumnya. Aktiviti kawalan telah diperkukuhkan, khususnya dalam aspek pengesanan kes, rawatan awal, serta pemantauan pematuhan rawatan Tibi dan Latent Tuberculosis Infection (LTBI).

TREND KEMATIAN TIBI DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2024 SEHINGGA ME 53/2025



Bilangan kematian Tibi yang dilaporkan pada ME 40/2025 hingga ME 53/2025 adalah 459, penurunan sebanyak 41 kematian (penurunan 8.2%) berbanding 500 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2024. Walau bagaimanapun, trend ini perlu ditafsir dengan berhati-hati kerana pengesahan pelaporan kematian TB adalah dimuktamadkan pada akhir tahun.

KUSTA

TREND KES KUSTA TAHUN 2024 SEHINGGA 2025 MENGIKUT NEGERI					
NEGERI	KUMULATIF KES ME 52/2024	KUMULATIF KES ME 53/2025	PERBEZAAN KUMULATIF KES	PERBEZAAN KES (%)	KADAR INSIDEN KUSTA (SETIAP 100,000 PENDUDUK) TAHUN 2025
JOHOR KEDAH	3	5	2	66.7	0.12
KELANTAN	11	27	16	145.5	1.21
MELAKA	6	8	2	33.3	0.42
NEGERI SEMBILAN	4	6	2	50.0	0.57
PAHANG	10	16	6	60.0	1.29
PERAK	126	168	42	33.3	10.01
PERLIS	3	4	1	33.3	0.16
PULAU PINANG	1	1	0	0	0.34
SABAH	1	4	3	300.0	0.22
SARAWAK	57	85	28	49.1	2.26
SELANGOR	30	14	-16	-53.3	0.55
TERENGGANU	19	36	17	89.5	0.49
WP KL	1	9	8	800.0	0.72
WP LABUAN	11	14	3	27.3	0.64
WPLABUAN	1	0	-1	-100.0	0.00
MALAYSIA	28	398	114	40.1	1.16

Jumlah Kes Kusta yang didaftarkan:

↓ 63 kes

Penurunan 31 kes berbanding 94 (-33.0%) kes didaftar dalam tempoh yang samapada tahun 2024.


Kumulatif Kes Kusta yang didaftarkan:

↑ 397 kes

Peningkatan sebanyak 114 kes (40.1%) berbanding 284 kes didaftar dalam tempoh yang sama pada tahun 2024.

Sehingga ME 48/2025, 368 kes Kusta didaftarkan meningkat sebanyak 123 kes (50.2%) berbanding 245 kes didaftarkan pada tempoh yang sama tahun 2024. Tiada kematian Kusta dilaporkan /didaftarkan. Peningkatan kes Kusta adalah berikutan aktiviti pengesanan aktif dan rawatan Kusta bagi mencegah penularan berterusan dalam masyarakat bagi mencapai sasaran sifar kes baharu tempatan.

KES KERACUNAN METANOL




Sehingga ME 53/2025, sebanyak 23 kes keracunan metanol telah dilaporkan. Jumlah ini menurun 39.5% atau 15 kes berbanding dengan tahun 2024 (38 kes). Untuk kematian akibat keracunan metanol, jumlah kematian yang dilaporkan pada tahun 2025 adalah 9 kes berbanding dengan 12 kes yang dilaporkan pada tahun 2024 iaitu penurunan sebanyak 25% atau 3 kes.

Satu (1) kejadian kluster keracunan metanol dilaporkan di Perak melibatkan 5 warga negara Myanmar dengan 1 kes kematian direkodkan pada tahun 2025.

Daripada 23 kes keracunan metanol yang dilaporkan, 14 kes (61%) melibatkan warganegara Malaysia, 7 kes (31%) melibatkan warganegara Myanmar, 1 kes (4%) warganegara India dan 1 kes (4%) tidak dapat dikenalpasti status kewarganegaraan.

KES PENYAKIT BERKAITAN PENGGUNAAN PRODUK MEROKOK



Untuk tahun 2025, sebanyak 43 kes penyakit berkaitan penggunaan produk merokok telah dilaporkan dengan 5 kes didiagnos sebagai E-cigarette or Vaping Product Use- Associated Lung Injury (EVALI) dan 38 kes adalah Non-EVALI.

Jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2025 adalah meningkat sebanyak 18 kes atau 72% berbanding dengan tahun 2024 (25 kes). Semua kes yang dilaporkan pada tahun 2025 melibatkan warganegara Malaysia.

Diterbitkan oleh :

SEKTOR INFORMASI DAN DOKUMENTASI

Bahagian Kawalan Penyakit
Kompleks E, Aras 3, 4, 6 Blok E10
Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1,
62000 Putrajaya
03-8883 4272/4343/4348/4499
emel: sid_bkp@moh.gov.my



Diterbitkan secara suku tahunan